

02/09/2003

Lakaran sejarah tercipta di Boulevard Putrajaya

Mohd Azlan Jaafar

SEORANG lelaki berusia lebih 70 tahun duduk di platform yang dibina sepanjang Boulevard Putrajaya seawal jam 7.15 pagi, kelmarin. Beliau seperti 300,000 pengunjung yang tiba di Putrajaya pada pagi itu, tidak sabar untuk menyaksikan perbarisan dan perarakan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-46.

Daripada kerut wajah lelaki itu, terpancar kepuasan terutama melihatkan keindahan sekeliling. Bangunan megah berdiri di sepanjang jalan utama perbarisan. Begitu juga dengan kecantikan Boulevard Putrajaya dan perhiasan yang menanti sambutan kemerdekaan.

Semuanya memberi gambaran sejauh mana negara ini sudah melangkah ke depan dalam tempoh 46 tahun.

Beliau juga kagum melihat orang ramai segenap peringkat dan usia berduyun-duyun memenuhi setiap ruang di Boulevard. Mencari lokasi paling strategik untuk menyaksikan satu lagi lakaran sejarah tercipta.

Di sebalik kekaguman, pasti terukir di fikiran lelaki tua itu bagaimana bertuahnya negara ini dan rakyatnya. Fikirannya mungkin teringatkan kesukaran masa lampau, masa penjajahan, penaklukan Jepun, era darurat dan peristiwa 13 Mei.

Jika ditanya kepada mereka yang lebih berusia, lebih banyak kisah duka daripada gembira yang dapat diceritakan. Masa lampau tidak semeriah hari ini.

Kisah kekejaman tentera Jepun. Bagaimana harta dirampas dan nyawa menjadi pertaruhan. Tiada beras. Ubi kayu menjadi makanan pengganti. Kesusahan ketika dijajah British. Layanan kelas terbawah untuk bangsa negara ini. Penentangan terhadap komunis. Usaha mendapatkan kemerdekaan dan banyak lagi.

Semua ini adalah lakaran lampau yang sebahagian besarnya tiada tempat dalam kurikulum sejarah di sekolah. (Kebanyakan masa, buku sejarah di sekolah adalah mengenai menghafal tahun dan kejadian). Cuma kisah di kalangan mereka yang sudah berusia dan mereka yang mahu mengetahui kisah lalu meneruskan legasi lampau sejarah negara.

Selepas ketibaan semua dif dan tetamu utama, Putrajaya digegarkan tembakan 14 das meriam, Jalur Gemilang dinaikkan dan Negaraku pun berkumandang. Pada detik itu, masa seperti berhenti. Lagu Negaraku, Jalur Gemilang dan KeranaMu Malaysia menguasai ruang udara Putrajaya.

Tiga ribu anggota Simfoni Gendang Malaysia memastikan orang ramai menyedari kehadiran mereka. Paluan gendang pelbagai jenis menghidupkan suasana. Putrajaya seperti berpesta untuk pertama kalinya sejak dibina pada 1996.

Mereka yang hadir berdiri tegak dengan megah menyanyikan Negaraku seperti perhimpunan hari Isnin di sekolah. Untuk kali pertama, lagu kebangsaan lebih enak untuk dinyanyikan daripada mana-mana lirik lagu penyanyi popular negara ini.

Angin dan suasana kemegahan dirasakan dengan setiap tarian, rentetan kejayaan setiap Perdana Menteri daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman hingga Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Rakaman ketika Dr Mahathir membacakan sajak Perjuangan Yang Belum Sesuai membuatkan ramai yang hadir terdiam sejenak.

Perarakan kontinjen, pancaragam sekolah, perbarisan syarikat swasta dan anggota kerajaan, pasukan keselamatan, kenderaan berhias dan kelengkapan ketenteraan yang melalui pentas diraja menimbulkan kebanggaan. Apabila jet

pejuang F-18 Hornet membelah ruang angkasa lebih pantas daripada kelajuan bunyi, tumpuan dituju ke angkasa.

Selepas berakhirnya semua atur cara sambutan, kebanggaan dan kepuasan dilihat di raut wajah mereka yang hadir. Perdana Menteri berkata: "Saya sangat gembira."

Kepada pemimpin yang menerajui kerajaan selama 22 tahun sambutan kemerdekaan di Boulevard Putrajaya akan menjadi ingatan paling manis untuk Dr Mahathir. Ia juga tidak mungkin dilupakan oleh mereka yang hadir pada pagi itu.

Dalam gemerlapan warna-warni, keindahan Boulevard dan bangunannya, kisah pencapaian negara yang ditonjolkan dan kehadiran 300,000 saksi, sambutan kemerdekaan ke-46 di Putrajaya menceritakan satu perjalanan sebuah negara sehingga apa yang dicapai hari ini. Kadang kala kita lupa bagaimana bertuahnya untuk berada di sini.

Ketika versi baru Negaraku dimainkan, seorang ibu sambil mendukung anaknya yang menghidap sindrom down berdiri sambil menyanyi. Kepada mereka yang kurang bernasib baik, bumi Malaysia ini tetap memberi cahaya harapan. Cahaya kegembiraan sama yang dilihat pada lelaki tua tadi. Terima kasih Malaysia.